

<b>Headline</b>	<b>Cuci pinggan sara 3 anak</b>
<b>Date</b>	<b>23. Jul 2008</b>
<b>Media Title</b>	<b>Harian Metro</b>
<b>Section</b>	<b>Variasi</b>
<b>Circulation</b>	<b>336603</b>
<b>Readership</b>	<b>2192000</b>

**Language** MALAY  
**Page No** 8  
**Article Size** 561 cm<sup>2</sup>  
**Frequency** Daily  
**Color** Full Color  
**AdValue** 7202.16



# Cuci pinggan sara 3 anak

Usaha ibu tunggal berbaloi ketiga-tiga anak miliki ijazah, dihadiah rumah batu



>>Oleh Kasdi Ali dan Rosdalliah Zahari  
am@metro.com.my

**S**AYA rasa dunia saya gelap seketika waktunya itu, namun sebagai ibu kepada tiga anak yang masih kecil, saya tabahkan diri dan anggap kematian suami sebagai dugaan laki.

"Justeru, beberapa hari selepas kematian suami, saya membuat keputusan menjadi ibu dan bapa kepada anak-anak saya," kata Annamal Chelliah, 56, ketika ditemui di rumahnya di Persiaran Sungai Pari 21, Buntong, dekat Ipoh, Perak.

Annamal adalah salah seorang finalis kategori ibu Tunggal untuk Anugerah Hari Ibu Hanan Metro/Secret Garden yang diadakan baru-baru ini.

Menurutnya, mendiang suami, Chelliah Jesudian menghembuskan nafas terakhirnya di sisi keluarga pada jam 5 petang 20 November 1983 di Medan Kidd Ipoh ketika berusia 39 tahun selepas dua tahun menderita sakit lumpuh.

Dengan hidup serba kekurangan dan menetap di rumah settingan bersama ibunya di Medan Kidd, Annamal memutuskan untuk tidak mengharapkan simpati saudara mara dan jiran tetangga dalam membarkan anak-anaknya.

Membesar dalam adik-beradik seramai 11 orang, Annamal terpaksa berhenti sekolah pada usia 12 tahun kerana masalah kewangan kelurganya.

"Saya tidak mahu anak-anak

**Pengorbanan Annamal dalam memberikan pendidikan kepada ketiga-tiga anaknya sehingga menamatkan sekolah menengah berbaloi apabila masing-masing kini boleh berbangga bersama ijazah.**

saya hidup susah seperti saya. Biarlah saya berkorbana masa dan tenaga mencari rezeki bagi memastikan makan minum dan paling penting, pendidikan anak saya terbaik. Akhirnya saya dapat kerja sebagai pembantu rumah di rumah bekas majikan suami dengan gaji RM250 sebulan.

"Namun, gaji itu tidak mencukupi untuk menyara kehidupan kami empat beranak dan saya kemudian mencari satu lagi kerja iaitu sebagai tukang cuci pinggan di sebuah sekolah berhampiran rumah dengan gaji RM150.

"Saya rela korbankan masa dan tenaga demi anak-anak kerana saya suka mereka mendapat pendidikan semasa."

"Saya tidak mahu anak-anak hidup susah dan saya enggan jadikan kemiskinan sebagai penghalang buat anak-anak saya berjaya dalam hidup," katanya.

Pengorbanan Annamal dalam memberikan pendidikan kepada ketiga-tiga anaknya sehingga menamatkan sekolah menengah berbaloi apabila masing-masing kini boleh berbangga bersama ijazah.

Pada 2003, selepas 27 tahun menetap di rumah

settingan di Medan Kidd, anak sulung Annamal, Jesudian Arul Raj, 32, membalaikembali jasa ibunya dengan mendirikan sebuah rumah batu atas tapak tanah milik mendiang bapanya di Buntong.

"Saya bangga dan terharu dengan kejayaan anak-anak. Saya tidak mengharapkan sebarang balasan daripada mereka kerana sudah menjadi tanggungjawab saya sebagai ibu untuk membesarakan mereka menjadi insan berguna.

"Bagi saya, kasih sayang dan didikan agama sempurna adalah aset terpenting dalam membentuk jati diri anak-anak," katanya.

Sementara itu, Jesudian Arul Raj berkata, keperluan tinggi yang diletakkan kepada mereka adik beradik membuatkan mereka sanggup berkorbana apa sajaya demi membahagiakan ibu mereka.

"Bagi kami, tiada apa yang lebih besar daripada pengorbanan seorang ibu dan kerana itu, saya membina rumah baru ini sebagai hadiah untuknya," katanya.

Arul berkata, sebagai abang dalam keluarga, dia memikul tanggungjawab berat untuk membesarkan kedua-dua adiknya selain membantu ibu dalam meringankan beban.

"Saya mempunyai dua pekerjaan, sebagai pembantu penyelia kilang dan menjadi agen insurans bagi menambah pendapatan untuk menampung perbelanjaan keluarga," kata pemegang ijazah Pengurusan Perniagaan pengkhususan Undang-undang Perniagaan Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor ini.

Arul turut memberi laluan kepada adik perempuannya,

Jane Sarah, 30, untuk mendirikan rumah tangga dengan Dr Vijaya Jayan, 39, pengarah sebuah ladang kambing dekat Sri Iskandar.

"Sebenarnya, abang kami membeli akhbar Harian Metro setiap hari sejak menuntut di UPM dan tanpa diduga

penyertaan yang dihantar tujuh hari sebelum tarikh tutup penyertaan terpilih menjadi finalis anugerah ini.

"Pemilihan ibu sebagai finalis adalah bonus bagi kami sekeluarga namun pengorbanan yang dicurahkan kepada kami tidak temuil harganya,"

kata Jane Sarah, guru bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Shen Jai, Ipoh ini.

Adik bongsu mereka, Steven, 29, pula adalah lulusan Ijazah Pengurusan Perniagaan Pengkhususan Pengurusan Kewangan daripada Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.



FOTO | Ikhwan Munir

**MEMORI...** Annamal bersama tiga anaknya menatap album yang menunjukkan gambar mendiang suami dan rumah lama mereka di Medan Kidd.